

KEBERKATAN AIDILFITRI MASIH TERASA

TETAP DIRAIKAN. Golongan kurang bernasib baik tetap mendapat perhatian bagi membolehkan mereka dapat sama-sama merasai kemeriahan sambutan Hari Raya Aidilfitri di Kuala Lumpur semalam.

Tidak terkecuali anak-anak yatim di Pusat Perlindungan Persatuan Kebajikan Anak Pesakit HIV/AIDS Nurul Iman Malaysia (Pernim), Cheras yang diraikan dalam majlis Kenal Mesra Raya anjuran Syarikat Mengurus Air Banjir dan Terowong (SMART).

Seramai 20 anak yatim menerima duit raya yang disampaikan oleh Pengurus Besar dan Operasi SMART, Mohd. Fuad Kamal Ariffin. Sumbangan berjumlah RM4,700 juga turut disumbangkan kepada pengasas Pusat Perlindungan Pernim, Norlina Alawi.

Majlis itu bertujuan mengubat kesedihan selain meringankan beban golongan anak yatim.



MOHD. FUAD (bersongkok) menyerahkan cek sumbangan kepada Norlina pada Rumah Terbuka SMART di Kuala Lumpur semalam.